



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 26 BILANGAN 25

RABU 24HB JUN, 1981.

رابو 21 شعبان 1401

PERCHUMA



Kampong terpuji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kempen pemilihan kampong2 terpuji anjoran Bahagian Melayu RTB akan di-teruskan ka-Kampong Bukit Sawat, Daerah Belait, esok (25hb Jun, 1981) jam 9 pagi. Rombongan kaki-tangan jabatan tersebut akan melawat kampong itu pada tarikh dan masa yang di-tetapkan. Sa-jauh ini sa-banyak 15 buah kampong telah di-lawati dalam pemilihan kampong terpuji ini. Keputusan penghakiman di-jangka akan dapat diketahui pada penghujung tahun 1981 ini.

Memuchang2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 tujuh puluh orang penduduk Kampong Tamoi, di-Kampong Ayer, jamaat lalu telah mengadakan kerja memuchang2 bagi membersehhkan kawasan tanah perkuboran orang2 Islam. Mereka di-ketuai oleh Ketua Kampong Awg Mokti bin Salleh. Kerja itu di-adakan sempena sambutan Isra Meraj.

Kuliah Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Kuliah Ugama telah diadakan di-dua buat tem-ber Jumaat lepas, ia-itu, di-Kampong Mentiri, Daerah Brunei-Muara dan di-Masjid Lamunin, Daerah Tutong. Ia-nya di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama persatuan2 agama.

Pesta Tamu

SERIA. — Satu Pesta Tamu, sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ke-35 akan di-adakan pada 6hb September, 1981 di-Pantai Lumut sm. Acara Pesta Tamu itu termasuklah persembahan2 kebudayaan, sokan pantai, permainan gasing, persembahan dari pemenang mutika 1980 dan 1981, jual2an makanan dan minuman dan lain2.

Manis-nya Iman

“TIDAK-LAH seawajarnya bagi seorang yang beriman berkata benar dan saka melakaat2 orang.” —HADITH Nabi sawy. —Majlis Muslim dari Abu Haniifah.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei akan meneliti soal keahliannya dalam Asean selepas kemerdekaan-nya pada awal tahun 1984.

Ini telah di-sabdakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah ketika bersabda selaku pemerhati di-Perhimpunan Negara2 Rantau ASEAN kali ke-14 yang telah berlagsong di-Manila baru2 ini.

AMBIL TAHU

Selaku sa-buah negara dalam rantau Asia, Brunei menyedari peranan-nya dalam memberikan kerjasama pada pemerhati perkembangan2 di-rantau tersebut di-samping mengambil tahu perkembangan2 di-lain2 tempat yang sama ada sa-chara langsung atau tidak langsung melibatkan atau mempengaruhi keadaan di-rantau tersebut.

Saperti juga lain2 negara Asia, Brunei ada-lah mengharapkan agar Tenggara Asia terus menerus kekal sa-bagai tempat yang selamat dan terotor supaya kita akan dapat hidup dengan aman dan sentosa, bebas untuk membangun dan mencapai kehidupan yang lebih baik.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir juga menyabdakan ucapan terima kaseh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas sambutan dan kemesraan yang telah di-

BRUNEI MENYAMBUT BAIK USAHA NEGARA2 JIRAN TERHADAP KEAHLIAN-NYA DLM ASEAN

tunjukkan oleh lain2 negara Asean terutama kepada Presiden Suharto dari Indonesia atas sokongan-nya yang kukuh terhadap penyertaan Brunei dalam ASEAN.

PERSEFAHAMAN

Kerajaan Brunei juga berharap agar persefahaman dan kerjasama Asean akan berkembang dari tahun ka-setahun dan akan berkerja rapat antara jiran2 di-Tenggara Asia untuk memastikan keamanan, kemakmoran dan kesejahteraan sentiasa terjamin.

Di-sepanjang menghadiri sidang itu, Yang Teramat Mulia dan rombongan telah juga di-alu2kan dalam satu jamuan khas yang di-berikan oleh Menteri Luar Filipina, Yang Terutama Tuan Carlos P. Romulo yang juga di-hadiri sama oleh Menteri2 Luar Negara2 Asean dan isteri masing2. Yang Teramat Mulia

Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir juga berkenan menerima mengadap Menteri Luar Malaysia, Yang Berhormat Tengku Ahmad Rithauddeen di-tempat penginapan khas rombongan Brunei itu.

Melalui Menteri Luar-nya itu, Malaysia menyuarakan kesediaan-nya untuk membantu Brunei dalam bidang2 yang di-perlukan oleh Brunei.

Lihat muka 3

Chawangan baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail akan berangkat merasmikan satu lagi chawangan Bank Kebangsaan Brunei Berhad pada petang 2hb Julai depan.

Chawangan baru yang akan di-buka itu bertempat di-tingkat bawah bangunan National Inn di-Jalan Tutong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat pulang sa-telah mengadakan lawatan sa-lama empat hari ka-Kuala Lumpur, untuk menghadiri Istiadat Perkahwinan puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, Yang Amat Mulia Tengku Muhaini binte Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dengan Yang Mulia Tengku Ibrahim Petra bin Tengku Tan Sri Indra Petra yang berlangsung pada hari Sabtu 20hb Jun.

Bersama berangkat pulang ia-lah Paduka Ayahanda Baginda, Kebawah Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan rombongan di-lapangan terbang, telah di-alu2kan oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; lain2 Kerabat Diraja dan pembesar2 negara.

Gambar atas kelihatan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, mengucapkan selamat berangkat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, di-lapangan terbang antarabangsa Brunei pada hari Jumaat lepas.



YANG Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar berbual mesra dengan Menteri Luar Filipina, Yang Terutama Tuan Carlos P. Romulo dengan di-perhatikan oleh Menteri bagi Hal Ehwal Luar Republik Indonesia, Yang Terutama Tuan Dr Mochtar Kusumaatmadja. Saat ini berlaku dalam majlis makan malam yang di-adakan oleh Menteri Luar Filipina itu untuk rombongan Brunei.

Penentuan permulaan puasa

PEGAWAI2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama kakitangan Jabatan Ukur akan pergi ka-tiga buah tempat di-negeri ini, ia-itu Bukit Tabor Bintang di-Daerah Brunei-Muara, Bukit Ambok di-Daerah Tutong dan Sungai Bera di-Seria pada hari Khamis, 2hb Julai, 1981, untuk melihat anak bulan Ramadhan bagi menentukan

permulaan puasa bagi tahun ini.

Jika anak bulan Ramadhan nampak dilihat pada petang hari tersebut, maka permulaan puasa Ramadhan tahun Hijrah 1401 akan jatuh pada hari Jumaat, 3hb Julai. Jika anak bulan tidak kelihatan, maka puasa akan di-mulakan pada hari Sabtu, 4hb Julai, 1981.



Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
RASMI
NEGARA
BRUNEI

24HB JUN, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

Mula menanamkan:

SEMANGAT KERANTAUAN

SUDAH nyata sekarang bahawa kita akan meneliti bagi menganggotai ASEAN selepas merdeka nanti.

Kenyataan ini di-umorkan buat pertama kali-nya kepada persidangan menteri2 luar negara2 tersebut di-Manila oleh YTM Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah yang berangkat menghadiri persidangan tersebut sa-bagai pemerhati. (Teks sa-penoh-nya di-muka surat 3).

Suatu yang perlu di-tegaskan lagi ia-lah pengum:oman untuk menimbangkan keanggotaan dalam ASEAN itu tidak-lah terlalu awal. Menyedari bahawa kita ada-lah sa-bahagian dari rantau Asia Tenggara menjadikan perhatian terhadap perkembangan2 di-dalam ASEAN ada-lah sangat lojik. Tambahan kepada itu, perhatian baik yang di-berikan oleh pemimpin2 dari kelima2 buah negara anggota telah pula meyakinkan kita bahawa kita mempunyai jiran2 yang merupakan sahabat2.

Lalu dengan ada-nya negeri2 jiran yang merupakan sahabat2 kepada Brunei itu kita berasa yakin "akan dapat menambahkan kemakmoran dan memberikan raayat suatu taraf penghidupan yang lebih baik dalam suasana merdeka dan bebas."

Bertolak dari keyakinan tersebut-lah kita berminat untuk menimbangkan penyertaan dalam ASEAN — di-mana di-dalam-nya perasaan bersatu padu telah berkembang dengan pesat-nya. Dan perkembangan sa-demikian itu-lah yang kita berharap akan mendapat faedah daripada-nya.

Maka barang sudah tentu-lah jangka masa kira2 tiga puluh bulan menjelang kemerdekaan ini kita akan banyak memerhati dan meneliti sa-tiap perkembangan sa-rantau dalam mana kita sama menaruh harapan untuk menjadikan-nya terus menerus aman dan selamat.

Maka dalam hubungan itu raayat dan penduduk negeri ini tentu perlu sama meningkatkan semangat kenegaraan sendiri dalam mereka mula menanamkan semangat kerantauan.

KUAT AMALAN BERUGAMA KEKALKAN KEDAULATAN NEGERI

BERIKUT ia-lah petek naskhah Khutbah Jumaat yang di-sampaikan oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman sempena memulakan sembahyang Jumaat di-Masjid Datu Imam Abdul Mokti Kampong Burong Pingai Ayer, selaku wakil peribadi Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz yang pada mula-nya untuk menyampaikan-nya.



SESUNGGUH-nya hari ini menjadi sebahagian daripada hari2 yang bersejarah bagi kita dan terutama-nya penduduk Kampong Burong Pingai Ayer ini dan penduduk2 kawasan sekitar-nya. Ia menjadi amat penting kerana sempena-nya yang berkat ia-itu memulakan sembahyang Jumaat di-masjid yang di-bangunkan dengan ilham dari kesedaran beragama dan di-jelmakan dengan maufakat bersama antara kerajaan dan raayat. Sesungguhnya ini-lah tanda2 betapa sehat dan waras-nya masyarakat kita berkat berteraskan agama dan berlandaskan semangat berkeadilan yang di-redhai Allah Subhanahu Wataala.

CHENDERONG

Memang-lah sudah ketara dengan nyata-nya bahawa kita di-negeri ini sangat chenderong kepada amalan2 beragama sebab sa-memang-nya agama itu telah menjadi sa-bahagian daripada kehidupan kita. Sa-tengah2-nya tidak setakat gemar dan chenderong bahkan sudah sampai ka-perengkat rajin berguru dan yakin beramal. Semua ini ada-lah berkat pimpinan yang bijaksana kerajaan semenjak tahun2 lima puluhan lagi sa-waktu pelajaran agama sa-chara meluas mula di-giatkan dengan sambutan serta sokongan bulat sa-bilangan besar raayat.

Maka tidak shak lagi penchapaian kita dalam bidang penyiaran ajaran Islam sangat pesat. Sekolah2 agama terus di-bangunkan dan di-lengkapkan, kemudahan2 lain belajar agama terus di-bukakan, masjid2 di-sema-rakkan dengan berbagai-bagai kegiatan ibadat dan kebajikan. Kesan daripada itu ia-lah pengaruh beragama telah sampai hampir ka-setiap keluarga orang2 Islam di-Negeri ini dengan mithal-nya di-dalam keluarga itu masing2 tidak sunyi dari anggota-nya yang taat bersembahyang.

TANDA2 CHERAH

Tentu-lah segala2-nya itu memberi tanda2 yang cherah bagi masa depan Islam di-negeri kita ini. Dan lebih2 lagi masa depan itu ia-lah masa depan di-mana Negeri Brunei kita, insya Allah, akan tegak sa-baya dengan lain2 negara di-perengkat antarabangsa sa-bagai sa-buah negara yang merdeka lagi berdaulat.

Soal-nya, apa-kah kita berpada setakat mendapatkan ada-nya tanda2 yang memberi harapan cherah itu dengan tidak memper-timbangkan berbagai-bagai kemungkinan yang boleh sahaja akan mengubah chorak dan suasana daripada apa yang kita harap dan jangkakan. Sebab, dengan semakin meningkat-nya kemajuan yang akan di-chapai terutama dalam perhubungan dengan dunia luar di-mana kita di-negeri ini tentu-nya semakin terdedah kepada pengaruh2 antarabangsa yang nyata tidak begitu memperhitungkan nilai2 agama, tidak seperti mana kita berkira bichara dalam semua aspek kehidupan kita sekarang. Maka pada perengkat itu dan pada ketika itu kita akan berhadapan dengan kenyataan dan terpaksa membuat pilihan sama ada mahu kekal dengan sifat keagamaan kita atau menchampur-adokkan-nya dengan nilai2 yang di-amalkan oleh dunia antarabangsa yang semata-mata bersendikan lojik akal manusia ia-itu perchaya hanya kepada apa yang dapat di-uji, di-ukur, di-sukat, di-timbang dan di-bidang sa-chara lahir sahaja.

JALAN MUDAH

Pilihan kedua, ia-itu menchampur-adokkan sifat keagamaan dengan nilai2 yang semata-mata bersendikan lojik akal manusia tentu-lah jalan mudah untuk apa yang di-katakan orang sa-bagai mensesuaian diri dengan suasana kehidupan dan norma2 antarabangsa, dan bahkan dapat di-jangkakan pilihan kedua ini

akan menjadi pilihan yang popular. Sementara pilihan yang pertama ia-itu terus kekal dengan sikap keagamaan dan mengukuhkan lagi sifat2 itu ada-lah di-jangkakan tidak popular di-sebabkan kebimbangan2 konon-nya akan ketinggalan zaman, konon-nya Islam itu tidak maju dan tidak sesuai sekarang dan konon-nya Agama itu ada-lah masalah peribadi serta tidak kena mengena dengan kemasyarakatan dan siasah. Tetapi, hendak-lah jangan siapa melupakan bahawa kita, orang Brunei, sedia di-kenali, di-galati dan di-ketahui dalam sejarah sebagai bangsa yang kuat beragama dan dengan kekuatan pegangan agama itu-lah menyebabkan kita terus di-segani oleh bangsa2 asing baik pun yang jauh mahu pun yang dekat, dan bangsa Brunei yang kuat beragama itu-lah yang dengan izin Allah jua telah berjaya mengekalkan kedaulatan negeri sekali pun tinggal sa-kubit.

JANGKA PANJANG

Maka dari segi ini, pilihan untuk kekal dengan sifat2 keagamaan sa-bagai bangsa yang merdeka di-negara yang berdaulat bukan-lah dapat di-ringan2kan apabila kita sampai ka-perengkat dan ka-saat di-mana kepentingan jangka panjang negara dan keturunan kita akan di-tentukan. Dengan yang demikian maka kebimbangan akan ketinggalan zaman andai-nya kita kuat beragama ada-lah kebimbangan yang di-tanamkan ka-jiwa sa-tengah2 orang kita — yang sekali pun mithal-nya kuat latarbelakang agama-nya tetapi

oleh kerana terpedaya dengan fahaman dan konon-nya nilai2 antarabangsa itu selari dengan nilai2 murni ajaran Ugama Islam padahal nilai2 yang semata-mata berpandukan asas2 lojik akal itu tidak pernah di-maksudkan oleh ahli2 falsafah yang mengasaskan-nya dan ahli2 ilmu yang mengembangkan-nya untuk selari atau berkompromi dengan nilai2 ajaran Islam bahkan sedapat daya ia mengempikan agama itu ka-ruany yang sempit sa-kira2 mual dan sesuai untuk kegunaan persendirian sahaja.

Mungkin ada yang merasa chemas mengemukakan kemungkinan yang akan di-tempoh itu. Tetapi perchaya-lah chemas dan bimbang, gundah dan gulana itu sebagaimana di-sarankan oleh Allah Subhanahu Wataala bukan-lah sifat atau sikap yang patut di-miliki oleh orang2 yang beriman kepada-Nya dan kapadi hari akhirat. Erti-nya: Allah Subhanahu Wataala menyaran supaya kita waspada dengan memberi perhatian kepada kepentingan2 keselamatan 'aqidah. Dengan itu dalam hubungan apa jua perkembangan yang akan di-tempoh di-masa hadapan maki mari-lah kita terus mengukuhkan azam untuk bersamasama sekali pun rebah-rimpah dengan berpegang kepada 'aqidah agama kita, dan insya Allah, dan dengan berkat pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan serta Kerajaan Baginda dan juga usaha gigih umat Islam, kita bangsa Brunei akan terus mempunyai masa hadapan yang gemilang selaku bangsa yang taat dan kuat beragama. Yang penting-nya hendak-lah kita sama2 terus berusaha pada menghapuskan keraguan terhadap Al-Kor'an dan Hadith. Prinsip dan ajaran Islam ada-lah cukup mampu untuk menghada-pi chabaran2 dari mana pun datang-nya di-sepanjang zaman. Jadikan-lah Al-Kor'an dan Hadith sa-bagai asas2 kehidupan kita sa-tiap hari dalam segala aspek.

Pameran Pos kali ketiga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei akan mengadakan satu pameran pos sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun pada 11hb hingga 24hb Ogos depan.

Pameran sa-lama dua minggu itu akan di-adakan di-Muzium Brunei.

Ini ada-lah kali ketiga Jabatan Pos menganjurkan pameran sa-rupa itu. — Asimah HAR.



MASJID Datu Imam Abdul Mokti Kampong Burong Pingai Ayer.

SOAL KEAHLIAN DALAM ASEAN:

BRUNEI AKAN TELITI
SA-LEPAS MERDEKA

Dari muka 1

Dalam sabda ucapan di-persidangan itu, Yang Teramat Mulia tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Hussein Onn kerana galakan dan sokongan-nya bagi kehadiran Brunei di-sidang itu sa-bagai pemerhati.

Berikut ia-lah sabda penoh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar di-perhimpunan itu:

KEHADZIRAN saya pada pagi ini atas jemputan Menteri2 Luar negara2 ASEAN ada-lah merupakan satu penghormatan bagi diri saya. Bagi pehak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kerajaan Baginda di-Brunei saya ingin mengucapkan betapa tinggi-nya kami di-Brunei menghargai undangan yang di-tujukan kepada Brunei ini. Terutama sekali saya ingin mengu-

chapkan terima kasih saya kepada President Suharto dari Indonesia kerana sokongan-nya yang kukuh terhadap penyertaan Brunei dalam ASEAN, sunggoh pun kami belum menchapai kemerdekaan penoh sa-hingga awal tahun 1984; kepada President Marcos dari Filipina kerana menjemput Brunei menghadziri Persidangan Menteri2 Luar Asean sa-bagai pemerhati bagi kali yang pertama dan kepada Perdana Menteri Malaysia Datuk Hussein Onn kerana galakan dan sokongan-nya bagi kehadiran kami di-Manila sa-bagai pemerhati. Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Singapura dan Perdana Menteri Thailand kerana membolehkan kami mengambil peranan dalam Persidangan ini. Saya juga berhubung budi kepada Menteri Luar Republik Filipina atas susunan2 yang telah di-ator-kan-nya dengan begitu teliti bagi lawatan rombongan saya dan sa-terus-nya

penginapan kami di-Manila.

Brunei akan merdeka pada awal tahun 1984. Kerajaan serta raayat Negeri Brunei menyedari bahawa kami ada-lah sa-bahagian dari Tenggara Asia. Kami menyedari bahawa Brunei tidak boleh di-pisahkan daripada perkembangan2 di-rantau ini dan lain2 di-tempat yang melibatkan kita di-Tenggara Asia. Sa-bagai mana jua hasrat negara2 ASEAN, kami ingin supaya Tenggara Asia terus menerus kekal sa-bagai tempat yang selamat dan terator di-mana kita semua akan dapat hidup dengan aman dan sentosa, bebas untuk membangun negara kita sendiri dan memberi raayat kita satu taraf kehidupan yang lebih baik. Kami mahu berbaik2 dengan semua jiran2 kami berasaskan prinsip hormat saling menghormati terhadap kedaulatan, kemerdekaan dan territorial integrity negara masing2. Dengan ada-nya negeri2 jiran yang meru-



YANG Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkihah (di-kiri sekali) bersama2 dengan para Menteri Luar Asean dan wakil Papua New Guinea, Tuan W. Noel Levi.

pakan sahabat2 kepada Brunei, kami berasa yakin bahawa kami akan dapat menambah kemakmoran kami suatu taraf penghidupan yang lebih baik dalam suasana merdeka dan bebas. Oleh yang demikian segala usaha2 untuk bekerjasama dan untuk menyambong tali persahabatan dan persefahaman di-kalangan negara2 di-rantau ini akan sentiasa mendapat sokongan dari Kerajaan Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei serta pegawai2 Kerajaan Baginda telah di-alu2kan dengan baik sempena lawatan2 ka-beberapa buah negara2 ASEAN. Dengan ada-nya lawatan2 tersebut, satu penilaian yang lebih bererti terhadap suasana dan memberikan raayat di-rantau ini dan terhadap negara2 ASEAN telah wujud.

HUBONGAN RAPAT

Dalam beberapa tahun, kami di-Brunei telah memerhatikan dengan giat perkembangan2 dalam ASEAN. Sunggoh pun kami bukan ahli dalam pertubuhan ini, pertalian kami dengan negara2 ASEAN ada-lah sentiasa rapat. Kami telah mengikuti dengan penoh minat usaha2 yang di-ambil bagi memperluaskan kerjasama di-rantau ini dalam bidang ekonomi, memperluaskan perhubungan2 dalam bidang socio-culture dan perundingan2 yang rapat dan tindakan2 terhadap beberapa masaalah2 politik yang melibatkan kepentingan rantau ini. Kami telah menyaksikan wujudnya persefahaman yang rapat apabila kepentingan negara2 ASEAN telah di-

ancham oleh perkembangan2 yang melibatkan rantau ASEAN. Kami mengambil perhatian tentang wujudnya perasaan bersatu-padu di-kalangan negara2 ASEAN yang mana telah berkembang dengan pesat dalam tempoh beberapa tahun ini. Perkembangan2 ini bukan tiada mendatangkan faedah kepada kami di-Brunei.

SAAT PENTING

Sekarang, dengan penyertaan kami di-Persidangan ini sebagai Pemerhati, kami akan menyaksikan perkembangan ASEAN dari lebih dekat lagi. Ini-lah kali yang pertama kami mengambil bahagian dalam sesuatu Persidangan sa-rantau atau antarabangsa, ia-nya dari itu merupakan satu saat yang penting dan mempunyai erti yang banyak bagi kami. Bagi kami ia-nya merupakan satu saat bersejarah.

Sa-bagai orang baharu dalam bidang diplomasi sa-rantau atau antarabangsa, rombongan saya akan menumpukan lebih masa untuk mendengar dan mempelajari tentang chara-chara sa-suatu keputusan di-buat dan tentang masaalah2 yang mendatangkan kekhuatiran kepada ASEAN, dari menghadapi pendapat2 terhadap perkara2 yang di-bincangkan. Kami sa-sunggoh-nya perchaya bahawa pengalaman ini akan membawa hasil yang positif kepada kami di-Brunei.

Kami berasa gembira kerana dapat menyertai

Persidangan ini sa-bagai pemerhati dan kami akan meneliti soal keahlian kami dalam ASEAN sa-lepas merdeka kelak, dengan ingatan ada-nya perasaan mesra yang telah di-sampaikan kepada Brunei oleh setiap ahli negara2 ASEAN. Kami berharap akan dapat meluaskan perhubungan2 dengan kerajaan2 negara2 ASEAN dalam tahun2 yang akan datang dan kami berharap agar dasar bagi kerjasama yang berhasil dan persefahaman dengan ASEAN yang telah tertubuh di-sini akan berkembang dalam tahun2 yang akan datang.

BEKERJA RAPAT

Kami berharap akan dapat bekerja rapat dengan jiran2 kami di-Tenggara Asia untuk memastikan keamanan, kemakmoran dan kesejahteraan.

Rombongan saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi, kerana peluang bagi kami untuk hadir di-Persidangan Menteri2 ASEAN yang ke-empat belas ini. Kami berharap pengalaman yang penoh ganjaran dan mesra yang akan kami rasai dari Persidangan ini akan mendatangkan faedah kepada kami dalam usaha2 kami membuat persediaan2 ka-arrah wujudnya negara kami sa-bagai negara merdeka dan mempunyai hak yang sama seperti negara2 yang lain di-dunia ini, apabila kami menchapai semula taraf merdeka kami dalam awal tahun 1984.

YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkihah berangkat pulang pada malam Jumaat lalu. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin (tengah) dan lain2 Kerabat Diraja berada di-lapangan terbang untuk mengalu2kan keberangkatan Yang Teramat Mulia itu. (Gambar kanan).

YANG Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah berangkat sama kamajlis pembukaan persidangan Menteri2 Luar Asean. Di-sebelah kanan Yang Amat Mulia ia-lah Menteri Hal Ehwal dan Perdagangan Papua New Guinea, Yang Berhormat Tuan W. Noel Levi dan di-sebelah kiri Yang Amat Mulia ia-lah isteri Menteri Luar Singapura, Puan S. Dhanabalan.



SAAT ketibaan rombongan Brunei ka-Pusat - Persidangan Antarabangsa Filipina (PICC) di-mana Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar di-junjong dengan kalangan bunga. Turut sama berangkat ka-Pusat itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah. Mengiringi sama rombongan itu ia-lah Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja, Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas (di-kiri sekali) dan Awang Yusof bin Haji Hamid, Setia Usaha Sulit kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar (No. 2 dari kiri).

AJARAN SESAT (III)

Ulasan ringkas terhadap pegangan orang2 Taslim

SIRI KE-85

ULAMA' Islam berkata puak batiniah itu berasal dari orang Majusi yang ingin hendak balek semula masuk ugama mereka yang dahulu (ugama Majusi) dan menyembah api serta berhala, tetapi mereka takut menyeru orang lain kepada ugama Majusi itu sa-chara berterang2, lalu mereka membuat dan mengada2kan bermacam keperchayaan yang hampir menyamai dengan keperchayaan Majusi itu.

1. Chuba kita perhatikan orang Taslim berit'ikad bahawa Tuhan bermah-tangga dalam diri tiap2 sa-orang sa-benarnya itu suatu i'tikad tanasukh dan itti'had yang berasal dari ugama Hindu. Di-sini sa-olah2 orang Taslim menganut ugama Hindu dan bukan ugama Islam.

2. Tujuan orang Taslim mengatakan apabila mati sa-orang Nabi, maka batal-lah khalifah dan nabi-nya, ia-lah bagi membolehkan mereka mengada-kan Syed Ali yang ada di-Bayan Lepas Pulau Pinang itu jadi ganti Nabi dan Rasul. Dengan Syed Ali yang tiada di-ketahui asal usul-nya dapat-lah orang Taslim mengubah dan menukar ugama Islam jadi ugama Majusi atau Hindu. Di-katakan juga orang2 perempuan dan isteri orang Islam di-serahkan kepada Syed Ali, sa-bagaimana ajaran ugama Majusi dan Hindu yang ada di-Gujarat (India) bahawa perempuan dan isteri orang di-serahkan kepada sami2 Hindu untuk di-rogol. Per-kara ini ada di-sebutkan dalam cherita2 ugama Hindu di-Gujarat itu dan juga di-sebutkan dalam kitab Hadharatul Hind karangan penulis Peranchis bernama Lubon.

3. Dua kalimah shahadat orang Islam di-per-

main2kan oleh orang Taslim dengan kata-nya

لا اِلهَ اِلاَّ اللهُ

ini menunjukkan keberanian mereka mengubah serta mengolok2kan suatu perkara yang pokok dalam ugama Islam.

4. Mengenai dalil dari ayat Kor'an yang di-gunakan oleh orang2 Taslim bagi menguatkan hujjah2 mereka ia-itu saperti ayat

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ

وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُوا

وَالَّذِينَ آمَنُوا

وَالَّذِينَ هُمْ يُؤْتُونَ

وَالَّذِينَ هُمْ يُؤْتُونَ

Kita menjadi hairan di-sini bagaimana-kah orang2 Taslim boleh menggunakan ayat Quraat itu untuk menjadi dalil2 mereka pada hal mereka mengatakan Kor'an orang Islam bukan Kor'an. Kor'an yang sa-benar-nya ada di-Bayan Lepas, Pulau Pinang (di-tangan Syed Ali).

Jadi jelas-lah bahawa Kor'an itu dalam i'tikad mereka hanya-lah sa-bagai sebutan kepada orang2 Islam dan kepada orang2 Taslim.

5. Orang Taslim memahamkan nyawa dan jasad itu mengikut fahaman dan keyakinan ugama Hindu ia-itu nyawa itu boleh masuk dari satu tuboh kasatu tuboh yang lain yang di-namakan oleh ulama sa-bagai tanasukh dan itti'had. Untuk meyakinkan supaya tidak ketara dan mengelirukan orang2 Islam maka mereka menyebut nama Nabi Adam dan Nabi Muhammad s.a.w. Pada hal sa-benar-nya tanasukh nyawa dan itti'had nyawa itu suatu keperchayaan

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufi.

Sa-bahagian lagi keperchayaan orang2 Taslim yang karut yang mereka ambil dari ugama Majusi, Hindu dan lain2.

Hindu. Keperchayaan kufor ini-lah yang di-pakai oleh orang Taslim.

6. Orang Taslim mengatakan mati hakiki itu ia-lah apabila bercherai nyawa (Muhammad) dengan jasad (Adam). Jadi orang Taslim tiada perchaya ada mati walau pun mereka mesti mati di-mana2 sekali pun mereka berada.

Ada pun mati ma'anawi itu ia-lah menyerah diri kepada Rasul di-Bayan Lepas itu, ini sama dengan ugama Hindu Gujerat

yang menyerahkan diri kepada sami Buddha itu untuk di-rogol sa-bagaimana cherita2 dalam ugama Hindu.

7. Orang Taslim memberi erti (maana) langit mengikut hawa nafsu mereka hanya bertopeng dengan menggunakan nama Kor'an dan Malaikat. Pada hal Kor'an dan Malaikat itu sebutan ugama Islam.

8. Orang Taslim mengambil hari Jumaat (hari mulia di-sisi orang2 Islam)

kemudian mereka menger-tikan-nya mengikut suka mereka sendiri sahaja.

Akhir-nya: i'tikad orang Taslim hanya memperkuasai ugama Islam dan mempermain2kan aka orang2 bodoh dan oraw bebal. Tetapi orang yang beriman tahu bahawa semua i'tikad orang Taslim itu ada-lah i'tikad kafir dan mempermain2kan ajaran2 Islam sa-bagai mana juga orang Qadiyani mempermain2kan ugama Islam, ayat Kor'an dan Hadith Rasulullah. Demikian juga hal-nya orang Bahai men-chipta ugama baharu dan mengajak orang2 yang bodoh dan bebal masuk ugama baharu itu.

Demikian-lah sa-bahagian dari ulasan kita ber-hubong dengan keperchayaan orang Taslim yang karut yang mereka ambil dari ugama Majusi, Hindu dan lain2 itu.

WALLAHU A'ALAM.

(Bersambong)

SA-WAKTU DI-INDONESIA



SEMASA Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Haji Mohd Zain bin Haji Seruddin, menghadrati Musabqah Tilawatil Kor'an Ke-12 di-Indonesia beliau telah berkesempatan berkunjung ka-rumah Menteri Agama Republik Indonesia Haji Alamsyah Ratu Perwiranegara pada 5hb Jun, 1981 dan bersembahyang Maghrib di-rumah-nya bersama2, dalam gambar di-atas ia-lah di-sebelah kiri Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, di-tengah2 ia-lah Menteri Agama Republik Indonesia, di-sebelah kanan ia-lah Presiden Majelis Ugama Islam Singapura Haji Ismail Mohd Said.

SEBENAR-nya kita sudah faham apa yang di-maksudkan dengan ibadat dalam Islam. Tetapi untuk me-letakkan lagi faham kita itu, maka di-sini elok kita terangkan serba sedikit butir2 khusus dan umum ibadat itu.

Menurut kamus, baha- wa makna ibadat itu, ia- lah keyakinan kepada Allah, perbuatan2 yang tertentu yang menunjok- kan bakti kepada Allah, seperti sembahyang, ber- fikir, do'a dan lain2.

Ulama2 Islam pula menghuraikan lebih terpe- nchi lagi. Ada yang me- gatakan erti ibadat itu, ialah tiap2 perkataan dan perbuatan, batin dan lahir, yang di-sukai dan di- redhai oleh Allah Ta'ala, umpama-nya sembahyang, puasa, zakat, naik haji, taat setia kepada ibu-bapa, kepada Ulii Amri, bercha- kap benar, menunaikan amanah, mengadakan sila- tur rahim, menepati janji, berbuat baik kepada jiran tetangga, menyeru kepada kebaikan dan menchegeh daripada kejahatan, ber- buat baik kepada anak2 yatim, bersedekah dan lain2 lagi, ada-lah itu se- mua-nya masuk ka-dalam pengertian ibadat.

SANGAT LUAS

Dari huraian tersebut, terang-lah bahawa ibadat itu sangat luas bidang- nya. Ia bukan terbatas ka- pada amalan2 sembah- yang, puasa dan naik haji sahaja, bahkan meliputi segala amalan dan peker- jaan yang baik2 yang di- dasarkan kepada jalan Allah, yang di-buat sema- la2 kerana mengharap- kan keredhaan Allah jua.

Bahkan dalam perkara makan minum. Barang- siapa yang makan atau minum dengan niat untuk meneruskan hidup dan untuk membekalkan kes- ihatan kepada tubuh badan supaya dapat beribadat kepada Allah, maka ma- kan dan minum yang de- mikian itu juga ada-lah ibadat. Kerana itu-lah orang2 yang arif akan te- las menjadikan segala tin- jakan dan perbuatan-nya tidak sia2. Dengan chara meluruskan hati dan niat kerana Allah, yang de- ngan itu menjadikan se- gala perbuatan-nya itu ada-lah ibadat.

ZURIAT

Hatta dalam perkara mengendalikan dan me- lepaskan shahwat, yakni melakukan hubungan su- mi isteri, jika di-niatkan untuk memperolehi zuriat, atau hendak menjaga diri dari maksiat, maka perbu- ngan atau persetubohan yang demikian itu juga, ada-lah di-kira ibadat. Mendapat pahala bagi orang yang melakukan- nya.

Sabda Nabi s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Imam Bokhari dan Muslim yang

maksud-nya kira2: "Pada kemaluan kamu itu ada sedekah. Bertanya para sahabat: Apa-kah me- lepaskan shahwat (melaku- kan persetubohan) itu juga mendapat pahala? Men- jawab Nabi s.a.w.: Tidak- kah jika dia melepaskan shahwat-nya pada jalan haram dia beroleh dosa? Maka demikian juga-lah hal-nya jika dia melepas- kan shahwat-nya pada yang halal (dengan isteri- nya), tentu-lah dia pun mendapat pahala."

REZEKI HALAL

Demikian pula dalam kegiatan2 hidup menchari rezekei umpama-nya, ada- lah sangat2 di-tuntut bagi orang2 Islam menchari dan mendapatkan rezekei yang halal. Islam telah memberikan garis pandu- an yang terang dalam hal ini, sa-hingga dalam ilmu fekah ada di-untukkan sa- tu bab khas mengenai-nya yang di-sebut bab Mu'a- malat. Ganjaran-nya ada- lah besar sekali bagi orang2 yang bertungkus lumus menchari rezekei yang halal dengan niat2 yang berkeabajikan. Dalam satu riwayat yang di- riwayatkan oleh At-Tab- rani ada menerangkan, maksud-nya:

"Barangsiapa menchari rezekei yang halal dengan niat untuk menjaga diri- nya supaya tidak menjadi

IBADAT

Ibadat bukan hanya terbatas kepada amalan2 sembahyang, puasa dan naik haji, bahkan meliputi segala amalan yang baik berdasarkan kepada jalan Allah.



untuk menanggung keluar- ga-nya serta dapat ikut berbuat baik terhadap tetangga-nya, maka kelak orang itu akan bertemu dengan Allah di-akhirat, sedang wajah-nya bagai- kan bulan purnama."

PAHALA

Oleh itu, wahai kaum muslimin! mari-lah kita sama2 bersegera dan ber- usaha menjadikan segala amal perbuatan kita ibadat yang mendatangkan paha- la, ia-itu chara-nya de- ngan meluruskan niat dan kerana Allah, dengan ti- dak menchampionkan yang hak dengan yang batil dan kebajikan dengan maksiat. Mudah2an de- ngan chara demikian hi- dup kita akan sentiasa da- lam berkat dan rahmat Allah di-dunia dan di- akhirat. Amin.

Sambutan Isra' Me'raj

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di-negeri ini maseh merayakan sambutan Isra Me'raj dengan mengada- kan beberapa acara2 yang berchorak keagamaan.

Pada hari Selasa, 16hb Jun, penduduk2 Kampung Bunut telah mengadakan majlis sambutan Isra Me'raj di- masjid kampung tersebut.

Dua lagi majlis sempena dengan sambutan Isra Me'raj telah di-adakan pada hari ber- ikut-nya, masing2 bertempat di-Masjid Utama Mohd Sal-

leh di-Daerah Temburong dan di-rumah Awang Haji Mohid- din bin Mohd Yusoff di-Kam- pong Perpindahan, Berakas.

Majlis yang serupa juga telah di-adakan di-Dewan Asrama Jururawat, Perkhid- matan Perubatan dan Kesia- hatan di-ibu negeri pada 18hb Jun lepas dan di-Surau Kam- pong Mentiri.

Juga turut mengadakan sambutan Isra Me'raj ia-lah Badan Ugama dan Akhlak, Pusat Tingkatan Enam, Ga- dong.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 24hb Jun, 1981 hingga ka-hari Selasa 30hb Jun, 1981 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
24hb Jun		12.28	3.48	6.39	7.51	4.37	4.52	6.09
25hb Jun		12.28	3.48	6.39	7.51	4.37	4.52	6.09
26hb Jun		12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10
27hb Jun		12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10
28hb Jun		12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10
29hb Jun		12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10
30hb Jun		12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

MENTAUHIDKAN ALLAH

Bingkisan minggu ini

SA-BAGAIMANA yang telah kita maklum bahawa konsep Ketuhan- an di-dalam Islam ada-lah satu, ia-itu Allah s.w.t. Di-dalam Islam tidak ada berbilang2 Tuhan — Tu- han dalam apa rupa ben- tok pun, ini meliputi juga ke-esaan atau ketunggalan zat-nya. Dia sahaja-lah yang mempunyai kuasa mutlak yang menguruskan dan mentadbir semua per- kara dan hanya kepada- Nya sahaja-lah kita ber- sujud dengan penoh kere- dhaan diri.

RASA BANGGA

Mentauhidkan Allah dan menyembah-Nya da- pat memberikan perasaan sa-seorang Muslim itu me- rasa bangga, mulia dan berani, kerana dia tahu tidak ada apa2 yang akan dapat menyentuh atau me- ngganggu-nya kechuali yang telah di-takdirkan oleh Allah s.w.t. sa-bagai- mana firman Allah di- dalam surah At-Taubah: ayat 51 yang kira2 ber- maksud:

"Tidak ada yang me- nimpaka kami melainkan apa yang telah Allah te- tapkan untuk kami."

Dan selanjut-nya Allah telah berfirman lagi di- dalam surah Ali-Imran: ayat 145 yang kira2 ber- maksud:

"Dan tidak-lah dapat suatu jiwa itu mati, me- lainkan dengan keizinan Allah, suatu waktu yang telah di-tetapkan."

Dengan firman Allah tersebut dapat-lah kita mengetahui dengan nyata- nya betapa besar-nya ke- kuasaan Allah s.w.t. itu yang mana meliputi sega- la2-nya.

Di-antara faedah2 kita

menyembah Allah s.w.t. sa-chara langsung tanpa menggunakan perantara- an, ia-lah membebaskan fikiran manusia itu dari tundok kepada yang lain2 selain daripada Allah. Dan faedah ini juga telah me- letakkan manusia itu pada tempat-nya yang semula jadi ia-itu sa-bagai 'TUAN' kepada benda2 korniaan Allah, sa-bagai- mana yang telah kita ke- tahui bahawa Allah telah pun melantek MANUSIA itu sa-bagai KHALIFAH di-atas muka bumi ini dan selanjut-nya untuk mem- bantu manusia itu menja- lankan tugas-nya dengan sempurna, Allah juga te- lah menurunkan kepada manusia satu kitab yang suchi yang di-panggil Al- Kor'an.

MENGENAL ALLAH

Ada pun sebab-nya ki- tab suchi Al-Kor'an ini di-turunkan kepada ma- nusial, kerana ia-nya dapat menunjok atau memimpin makhluk yang di-panggil manusia itu kepada jalan untuk mengenal Allah s.w.t. melalui kesan2 yang menunjokkan sifat2-Nya, kesempurnaan, kebesaran, keindahan serta kesuchi- an-Nya.

Sa-bagaimana Imam Muhammad Abduh per- nah berkata: Renongan

terhadap makhluk tetap memberi faedah kedunia- an dan menerangi diri da- lam perjalanan-nya me- ngenal siapa empunya ke- san2 yang nyata chahaya- nya ini, memikirkan ten- tang zat Pencipta ia-lah suatu perhubungan untuk tahu keadaan-Nya, ini ada-lah di-larang bagi fi- kiran manusia kerana per- bedzaan dua wujud dan kerana kemustahilan ada penyusunan di-dalam zat- Nya, dari segi lain pula ini hanya membuang masa saja, sebab yang di-fikir- kan ia-lah suatu perkara yang tiada dapat di-chapai oleh fikiran manusia dan boleh pula merosakkan keperchayaan kerana ia- nya perhubungan menentu- kan sesuatu yang tiada pa- tut di-tentukan dan meng- hitong sesuatu yang tiada patut di-hitong. Jadi de- ngan kata2 yang di-luahkan oleh Imam Muham- mad Abduh ini ada-lah nyata kepada kita bahawa memikirkan sesuatu yang di-luar keupayaan kita itu ada-lah sia2 belaka. Se- bagaimana Rasulullah s.a.w. ada memberi peri- ngatan kepada kita manu- sia di-dalam sebuah ha- dith-nya yang berbunyi:

"Berfikir-lah pada ke- besaran Allah dan JANGAN berfikir pada ZAT ALLAH."

Dari itu kita sa-bagai umat2 Islam yang sentiasa menjunjung perintah2 Allah, hendak-lah selalu mengingati Allah dan ka- lau-lah kita kurang mem- punyai pengetahuan di- dalam bidang Ugama, hendak-lah kita berusaha untuk mempelajari-nya dan dengan ada-nya usa- ha itu, semoga Allah akan tetap memberkati- nya.

MAJLIS TAKLIMAT

Kemerdekaan Brunei:

SAMBUTAN RA'AYAT TIDAK MELALUI SEMBOYAN2 POLITIK - KPP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sikap dingin orang ramai terhadap kemerdekaan kerana tidak ada-nya semboyan dan slogan merdeka di-laungkan di-sana sini di-negeri ini atau pun tidak ada tanda2 orang ramai 'mabok merdeka' ada-lah satu dakwaan yang betul.

Yakni betul sa-takat kerana tidak ada slogan dan semboyan merdeka di-pekekkan dan tiada kelihatan orang ramai heboh dan bising dengan cha-kap2 kosong mengenai kemerdekaan.

SUASANA TENANG

Demikian telah di-nyatakan oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman ketika memberikan taklimat kepada 25 orang penduduk2 Mukim Bokok, Temburong yang mengikuti taklimat

anjonan Bahagian Penerangan di-sini pada hari Khamis 18hb. Jun yang lalu.

Tetapi kata-nya, ada-lah tidak betul yang suasana serba tenang itu menandakan raayat tidak menaruh keperchayaan dan tidak memberikan sokongan yang sepenoh-nya terhadap kemerdekaan tersebut.

Sebab, tambah Ketua Pegawai Penerangan itu lagi, ada-lah sudah menjadi fenomena kemasharakatan kita semenjak dua dekad terakhir ini ia-itu kita tidak heboh oleh suasana politik dan sebalik-nya kita lebih menchari perhatian kepada soal2 kenegaraan dari aspek2 perkembangan sosio-ekonomi negara.

Sungguh pun perhatian sa-bilangan besar raayat kepada soal politik tidak sa-tajam perhatian mereka kepada soal2 kemajuan

sosio-ekonomi di-mana negeri ini berhasil menchapai taraf-nya yang baik. Namun tambah-nya hal sa-umpama itu-lah sa-benar-nya menolong menstabilkan terus politik tanah ayer dan mengizinkan puchok pimpinan tertinggi negeri kita menchari hurairan2 politik pada men-tarapkan negeri ini dengan negara2 lain dan mampunya tanggung-jawab antarabangsa sa-bagai sa-buah negara yang merdeka lagi berdaulat, ujar-nya.

Maka dari segi ini, kata-nya, ada-lah tidak benar yang raayat di-katakan tidak ghairah atau bersikap dingin terhadap kemerdekaan.

SEMBOYAN POLITIK

"Sambutan dan sokongan mereka tidak di-ketarkan melalui semboyan2 politik tetapi ada-lah diserapkan dengan sa-baik2-nya melalui aspirasi pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi di-mana raayat selama ini menyokong pimpinan kerajaan," tambah-nya lagi.

"Maka sokongan yang di-berikan oleh raayat kepada kerajaan itu ia-lah atas keyakinan mereka bahawa kerajaan mampu memenohi aspirasi mereka dengan chorak dan pembawaan kepimpinan yang mereka dapati benar2 bertanggung-jawab dan nyata kejujuran serta kesungguhan-nya pada memelihara dan memperjuangkan kepentingan jangka panjang negeri ini," kata beliau selanjut-nya.

Sa-jumlah 20 — 25 peratus beras tempatan dpt di-hasilkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-jumlah 20 hingga 25 peratus sahaja beras dapat di-hasilkan oleh petani2 tempatan di-negeri ini pada menampung keperluan2 raayat dan penduduk2 di-dalam negeri ini.

Lain2 bahan yang dapat di-keluarkan oleh petani2 tempatan ia-lah daging kerbau/lembu sa-jumlah 10 peratus; buah2an 30 peratus, sayur2an 70 hingga 80 peratus dan daging ayam 80 peratus.

Demikian di-jelaskan oleh Timbalan Pengarah Pertanian, Awang Daniel bin Haji Abu Hanafiah ketika memberikan taklimat kepada 25 orang penduduk2 Mukim Bokok, Temburong di-majlis taklimat anjonan Pejabat Penerangan di-sini pada hari Khamis baru2 ini.

MENGIMPOT

Memandangkan pengeluaran2 hasil pertanian yang tidak mencukupi untuk keperluan raayat, kerajaan kata-nya terpaksa mengimpot bahan2 tersebut dari luar negeri ia-itu misal-nya beras dari Negeri Thailand dan lain2 negeri lagi.

Dan kerajaan pula kata-nya lagi, melalui Jabatan Pertanian, pada mengu-

rangkan pengimpotan bahan2 dari luar negeri itu terpaksa menjalankan beberapa usaha pada menambahkan lagi hasil2 pertanian dalam negeri melalui ranchangan2 yang akan meningkatkan lagi 'productivity' hasil masharakat tani di-negeri ini.

Ranchangan2 itu di-antara lain kata-nya, melibatkan dua faktor pen-

Lihat muka 7

Permohonan tanah deposit:

K'JAAN BELUM SEDIA MENIMBANGKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan semenjak pertengahan tahun 1954 telah memberhentikan permohonan baru bagi mendapatkan tanah deposit di-sebabkan beberapa perkara yang tertentu. Dan tegas-nya kerajaan pada masa ini belum bersedia menimbangkan permohonan2 baru.

Menjelaskan demikian ketika menjawab soalan yang di-ajukan kepada beliau di-majlis taklimat anjonan Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-sini baru2 ini, Timbalan Persuruhjaya



Awg Aziz Haji Muhammad.

Tanah, Awang Aziz bin Haji Muhammad berkata salah satu sebab-nya ia-lah terdapat-nya masih banyak lagi permohonan2 tanah sa-belum tahun



PENDUDOK2 Mukim Bokok bergambar ramai dengan pegawai penyelaras taklimat.

TEMBURONG AKAN PUNYAI HOSPITAL BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Untuk memperluaskan perkhidmatan2 perubatan kepada penduduk2 di-Daerah Temburong, kerajaan telah meluluskan sa-buah tapak bagi hospital baru yang mempunyai keluasan 6.02 ekar.

Projek itu akan menelan belanja sa-jumlah \$15 juta dan akan di-lengkapkan dengan 50 katil dan beberapa kemudahan2 serta alat2 yang moden.

PERENGKAT AWAL

Menyatakan demikian ketika memberikan taklimat kepada 25 orang penduduk2 Mukim Bokok, Temburong yang menyertai taklimat penerangan di-sini baru2 ini, Pegawai Daerah Temburong, Awg. Hj. Zakaria bin Hj. Jeneh menambah kata bahawa pelan projek tersebut kini sedang dalam perengkat pelukisan.

Di-samping itu, tambah-nya, lain2 projek yang te-



Haji Zakaria bin Haji Jeneh.

lah di-luluskan di-Daerah Temburong termasuk-lah tapak2 bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama sa-luas 7.46 ekar; Rumah Pegawai Daerah dan Rangkaian Perumahan pegawai2 kerajaan 27 ekar di-Pekan Bangar dengan belanja lebih \$4 juta; perumahan Balai Bomba 1.97 ekar; Sekolah Menengah Inggeris dan Melayu 44.6 ekar dan tapak2 bagi Masjid Labu Estate dan Kampong Puni.

DALAM PROSES

Sementara itu, kata Pegawai Daerah itu lagi, projek2 yang mana tapak-nya sedang dalam proses ia-lah seperti tapak2 perumahan bagi kaki-tangan hospital; padang kemudahan sokan di-Batu Apoi, Masjid Bokok; Pos kawalan dan perumahan Imigresen di-Ujong Jalan Puni; bangunan pejabat2 kerajaan sa-luas 10 ekar di-Pekan Bangar dan tapak atau kawasan perpendakan 320 ekar di-Kampong Rataie.

Menyentuh mengenai dengan projek2 dan perkembangan2 yang di-chapai oleh Daerah Temburong pula, Awang Haji Zakaria sa-terus-nya berkata bahawa sa-takat ini Temburong mempunyai kemudahan2 seperti jalan2-nya, bekalan ayer,

letrik dan sa-bagai-nya.

Dari segi jalan-nya, kata-nya, daerah itu mempunyai jalan-nya yang bertaraf 'primary' yang dibina pada awal tahun 70an sa-banyak tiga batang sa-jauh 42 batu di-samping jalan2 kecil yang pada masa ini berjumlah sa-banyak 29 batang sa-jauh 27 batu.

Bekalan ayer yang terdapat di-Kampung Sumbiling, jelas Pegawai Daerah, dapat mengeluarkan 250,000 gelen sa-hari dan boleh menampung keseluruhan Mukim Bangar dan sa-bahagian dari Mukim Amo dan Mukim Bokok.

BEKALAN AYER

"Sa-buah sharikat perunding ia-itu Watson dan Hawksley Asia baru2 ini telah pun menjalankan pengkajian-nya di-Daerah Temburong menchari jalan menambah pengeluaran bekalan ayer ini hingga ka-sa-juta gelen sa-hari yang mana di-fikiran boleh menampung keperluan ka-seluruh Daerah Temburong," ujar-nya.

Mengenai hasil mashul di-daerah tersebut, Awang Haji Zakaria menambah bahawa hasil pengeluaran utama-nya pada masa ini ia-lah batu kelikir yang dapat menampung hampir keseluruhan bahan binaan di-negeri ini.

Pengeluaran batu kelikir ini, jelas-nya di-usahakan oleh 7 buah sharikat sementara tiga buah lagi telah di-berikan lesen tetapi hingga sa-takat ini belum lagi mengusahakan-nya.

Terdahulu dalam taklimat-nya Pegawai Daerah itu menjelaskan bahawa Temburong kini mempunyai 7,000 orang penduduk dan di-bahagikan kepada lima buah mukim ia-itu Mukim Bangar, Bokok, Amo, Batu Apoi dan Labu.

Lihat muka 7

Sharat2 mileki TOL

Dari muka 6

di-bumohi oleh semak dan ada di-antara-nya di-jual kepada orang2 lain," ujar Awang Aziz. Walau bagaimana pun ia-nya, untuk mengatasi masalah kekurangan tanah, satu ranchangan perancangan kerajaan telah dilaksanakan oleh Jabatan Perpindahan yang mana orang2 yang tidak mempunyai tanah di-izinkan ikut serta dalam ranchangan tersebut.

Selain dari itu kerajaan, membah-nya lagi, telah melaksanakan permohonan2 bagi tanah TOL bagi membolehkan orang2 yang tidak bertani untuk berchuchok tanam dan membina rumah berbenak sementara.

Menurut-nya, tanah2 atau tanah TOL (lesen tumpang sementara) ini tidak-lah mem-

beri hak sa-penoh-nya kepada pemilek2-nya atau tidak di-keluarkan geran tetapi ia-nya mempunyai sekatan2 yang tertentu.

GANTI RUGI

"Tanah2 tersebut boleh di-gunakan sa-chara tahun ka-setahun dengan di-perbaharui pada tiap2 penghujung tahun. Ia-nya tidak boleh di-pindah milek kepada sa-siapa, tidak di-benarkan menanam pokok2 tanaman kekal atau pun membina bangunan kekal di-atas-nya, dan jika kerajaan berkehendakkan tanah tersebut untuk satu2 projek maka si-pemilek-nya tidak akan di-bayar sa-barang ganti rugi ka-atas apa jua yang di-atas tanah tersebut.

Terdahulu dalam taklimat-nya Timbalan Persurrohjaya Tanah menjelaskan tentang masalah2 yang di-hadapi oleh Pejabat Tanah terutama

Lihat muka 20

Dari muka 6

ting ia-itu pertama memberikan pendidekan dan latihan para tani dalam bidang masing2 supaya mereka mencapai taraf pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang tinggi dalam bidang pertanian dan kedua ia-lah dengan menghulorkan bantuan



Awang Daniel bin Haji Abu Hanafiah.

bahan2 ladang dan perkhidmatan ladang.

Maka kata-nya lagi, dalam tahun 1976, kerajaan telah melateh anak2 muda untuk menjadi peladang sa-penoh masa dan komersial melalui kursus peladang muda di-Pusat Latihan Pertanian Sinaut.

PROJEK PERTANIAN

Pelateh2 yang berjaya mengikuti kursus di-pusat itu jelas Awang Daniel di-beri peluang untuk menyertai projek pertanian, di-dua kawasan yang berasingan ia-itu di-Luahan di-Daerah Brunei dan Muara dan Birau di-Daerah Tutong.

Projek pertanian Luahan tersebut, kata-nya, pe-

rengkat pertama telah di-mulakan pada bulan Mach 1978 yang melibatkan 54 ekar tanah dengan empat orang peserta sementara perengkat kedua bermula pada bulan Mei 1979 dengan melibatkan 320 ekar tanah dan 22 orang peserta.

Manakala projek pertanian di-Birau perengkat pertama di-mulakan pada bulan Disember 1980 yang melibatkan 170 ekar tanah dan 13 orang peserta dan perengkat kedua bermula bulan Mei lepas yang melibatkan 170 ekar tanah dan 13 orang peserta.

Menurut-nya, peserta2 yang mengikuti projek itu, di-beri tanah lebeh kurang 10 ekar di-mana mereka di-kehendaki mengikuti kechenderongan masing2 mengusahakan salah

satu dari enterprise2 utama ia-itu seperti lembu, buah2an atau lada sulah di-samping yang lain ia-itu seperti arable, ayam, kambing dan sayur2an.

BAHAN PERTANIAN

Kedua2 projek ini, tambah-nya lagi, ada-lah merupakan printis kepada kaum tani pada menambahkan lagi hasil2 tani untuk keperluan2 penduduk2 sa-tempat tanpa bersandarkan kepada pengimporan bahan2 pertanian dari luar negeri.

"Dan pada melichinkan lagi perjalanan projek para peladang muda ini, kerajaan telah memberi tanggung-jawab kepada lima orang pegawai untuk bertugas di-bahagian projek yang bertujuan untuk membantu peladang2 muda dalam berbagai-bagai perkara yang bermatalamatkan semata2 untuk kesejahteraan mereka dan kemajuan ladang mereka sendiri," tambah Awg Daniel lagi.

PERANAN JABATAN PELAJARAN MENGENDALIKAN KELAS BIMBINGAN DAN PEMULEHAN

JABATAN Pelajaran ada-lah merupakan salah sa-buah Jabatan Kerajaan yang terbesar yang telah lama menyadari betapa penting-nya memberi perhatian yang menyeluruh kepada sa-bahagian murid2 sekolah rendah dengan mengadakan Kelas2 Bimbingan.

Kelas2 Bimbingan ini mula di-tubuhkan pada tahun 1979 di-dua buah daerah, masing2 di-kendalikan oleh Awang Abd. Alim bin Awang Haji Ohman bagi Daerah Brunei-Muara, dan Awang Abu Bakar bin OKSD Hj. Md. Salleh bagi Daerah Tutong. Sementara itu, Kelas Bimbingan bagi Daerah Belait hanya tertubuh dalam tahun 1980, yang di-kendalikan oleh Awang Nordin bin Haji Abd. Wahab.

Dalam perengkat awal penubuhan-nya, Jabatan Pelajaran telah mengambil langkah2 yang positif bagi membimbing murid2 yang lemah dalam mata-pelajaran 3M (membaca, me-

TAHUN 1981 ada-lah merupakan tahun yang bersejarah bagi negara2 di-seluruh dunia, dan khas-nya bagi orang2 chachat di-negeri kita Brunei Darussalam yang sama2 turut serta dalam memperingati Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat. Beberapa buah Jabatan2 Kerajaan serta pehak2 swasta yang berkenaan telah bekerjasama bagi mengadakan acara2 khusus untuk memperingati Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat di-negeri ini.

nulis, mengira) di-Sekolah Rendah Melayu. Jabatan Pelajaran telah berjaya mengadakan sistem ini di-beberapa buah pusat di-tiga buah daerah tersebut, walau pun kelas2 itu ha-nya di-kendalikan oleh tiga orang guru yang terlatih khas dalam perkara ini.

KELAS BIMBINGAN

Dalam tahun 1981, sa-banyak enam buah pusat Kelas2 Bimbingan telah di-tubuhkan di-Daerah Brunei-Muara, dengan kera-maian murid-nya 57 orang. Pusat2 tersebut ia-lah Sekolah Melayu Sultan Omar Ali Saifuddin, Muara, Sekolah Melayu Pulaie, Sekolah Melayu Kia-

rong, Sekolah Melayu Pular Ulak, Sekolah Melayu Sengkuring dan Sekolah Melayu Delima Satu.

Sementara itu, Kelas2 Bimbingan di-Daerah Tutong bagi tahun ini di-adakan di-empat buah pusat, ia-itu di-Sekolah Melayu Sengkarai, Sekolah Melayu Kiudang, Sekolah Melayu Kupang dan di-Sekolah Melayu Rambai. Sa-takat ini sa-ramai 27

orang murid telah mengikuti kelas2 tersebut di-Daerah Tutong. Di-Daerah Belait, Kelas Bimbingan anjoran Jabatan Pelajaran itu berpusat di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, dan di-hadiri oleh sa-ramai 14 orang murid. Pusat2 Kelas Bim-

bingan itu di-lawati sekali dalam sa-minggu.

Murid2 yang terlibat dalam Kelas Bimbingan tersebut ia-lah murid2 yang di-sahkan oleh Pegawai Kesihatan Sekolah sa-bagai murid2 yang lemah dalam menerima mata-pelajaran atau, murid2 yang menghadapi apa jua jenis kechachatan yang boleh menyebabkan kelemahan pelajaran murid2 tersebut. Pendek kata, murid2 yang memasuki kelas2 tersebut ia-lah mereka yang lambat menerima pelajaran, tidak mempunyai kechachatan otak atau Mentally retarded dan murid2 yang menghadapi kechachatan anggota.

CHACHAT OTAK

Jabatan Pelajaran menubuhkan Kelas2 Bimbingan tersebut dengan beberapa tujuan. Antara tujuan yang ketara ia-lah bagi membimbing murid2 yang lemah dalam pelajaran2 yang di-ajar di-Sekolah Rendah Melayu, supaya mereka itu sa-taraf dengan murid2 biasa, sementara tujuan kedua ia-lah bagi membimbing kanak2 yang di-sahkan chachat otak-nya supaya dapat mencapai taraf yang sama dengan kanak2 biasa dari segi sosial dan untuk menghadapi masa depan.

Kapada murid2 yang menghadapi kechachatan anggota atau physically handicapped, Kelas Bimbingan akan turut membantu dan membimbing mereka untuk menghadapi kehidupan masa depan.

Chara pengajaran di-Kelas Bimbingan agak berbeza dengan pengajaran kapada murid2 yang



MURID INI di-anjur supaya boleh menyusun abjad dari A hingga Z dengan betul.

normal, di-mana chara pengajaran di-Kelas ini lebeh memberatkan pengajaran sa-chara individu, yang mana sistem ini membolehkan murid2 lebeh memahami dengan lebeh mudah.

Guru2 yang di-khaskan mengajar dalam Kelas2 Bimbingan ini mempunyai tanggung-jawab dan tugas2 yang tertentu, demi untuk mencapai matalamat2 Kelas Bimbingan itu di-adakan. Guru2 Bimbingan di-pertanggungjawabkan bagi membuat kajian dalam mengendalikan masalah murid2 yang terlibat, dan juga mencha-dangkan kertas kerja yang sesuai bagi kelas2 tersebut.

Sa-lain dari itu, mereka juga di-tugaskan untuk memperbaiki mutu pelajaran murid2 yang terlibat supaya sa-taraf dengan murid2 biasa, serta mengkaji masalah yang di-hadapi oleh murid2 tersebut.

KECHACHATAN

Penubuhan Kelas2 Bimbingan oleh Jabatan Pelajaran ini ada-lah bagi membimbing dan membantu kanak2 yang lemah dalam mata-pelajaran, yang menghadapi kechachatan otak dan anggota, untuk men-

jadikan mereka itu sa-taraf dengan kanak2 yang normal.

Dan pada keseluruhan-nya, sambutan bagi memperingati Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat ini ada-lah bagi menggalakkan penyertaan Jabatan2 Kerajaan, pehak2 Kerajaan, pehak2 swasta dan pehak2 persendirian. Penyertaan ini telah membuktikan kepada kita bahawa mereka mempunyai kesedaran dan tanggung-jawab terhadap sa-bahagian masyarakat yang chachat. Penyertaan Brunei ini juga boleh memberi peluang kepada orang ramai dalam memberi bantuan yang sa-wajar-nya kepada masyarakat yang memerlukan-nya, seperti mana yang terchatet dalam tema Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat, 'Terima-lah Orang2 Chachat Dan Bantu-lah Mereka Untuk Membantu Diri Mereka Sendiri'.

PUNYA KEBOLEHAN

Sa-lain dari itu, penyertaan ini juga akan membuktikan kepada masyarakat bahawa orang2 chachat juga mempunyai kebolehan dalam sesuatu bidang yang tertentu, serta berupaya pula menunjukkan jasa bakti mereka pada bangsa dan negara.

Berbagai ranchangan yang sesuai akan di-adakan dalam menyambut Tahun Antarabangsa Bagi Orang2 Chachat, yang antara-nya termasuklah acara2 sokan bagi orang2 yang kurang bernasib baik ini, yang mana akan di-adakan di-suatu masa nanti.



MURID2 INI di-bimbing membaca sa-chara individu dari perengkat rendah lagi. Mereka ada-lah terdiri daripada murid2 Darjah IV dan V.

Dua siaran langsung melalui radio

MENJELANG Ramadhan yang hanya sejarak beberapa hari sahaja lagi Radio Brunei sudah mengator dua siaran terus menerus 'relay' untuk memperhubungkan sa-chara langsung para pendengar kita dengan dua pertandingan akhir perengkat nasional. Pertama Pertandingan Akhir Membacha Kor'an perengkat negeri pada 23hb dan 24hb Jun, dan kedua Pertandingan Akhir Bintang Kechil Radio pada 28hb Jun. Radio bukan sahaja menyiarkan-nya sa-chara langsung tetapi melanjutkan siaran-nya hingga ka-larut malam bagi memastikan para pendengar radio dapat mengikuti pertandingan hingga selesai. Usaha ini di-buat memandangkan kepada pengalaman2 di-tahun2 berlalu bahawa a-chara2 pertandingan itu sangat mendapat sambutan ramai. Satu hal yang di-anibul perkiraan oleh pehak

Radio ia-lah seperti biasa tidak semua orang dapat duduk 'relex' di-depan kaca TV untuk mengikuti a-chara pertandingan itu maka di-sini-lah Radio memberikan kesempatan sama ada saudara berada dalam kereta, sedang bertugas atau sedang menghadapi meja makan bersama keluarga... dan kawasan2 yang belum 'di-landa' TV.

MEMBUAT RAKAMAN

Dari pengalaman yang lalu juga serta kompelin2 yang diterima rupa-nya ramai di-antara para pendengar radio bukan sahaja sekadar mengikuti dua pertandingan itu tetapi juga mereka mengambil kesempatan membuat rakaman menerusi radio transistor mereka bila kedua2 pertandingan perengkat akhir itu di-siarkan. Maka dengan kesedaran ini juga pehak radio mengharap-

kan agar siaran2 langsung ini dapat di-jayakan dengan mutu siaran yang sa-baik2-nya, agar para pendengar kita bukan sahaja dapat mengikuti-nya dengan baik tetapi juga dapat merakam-nya dengan baik.

Peminat-peminat Bachaan Al-Kor'an menggunakan hasil2 rakaman itu untuk mempelajari lagu2 dalam bachaan Al-Kor'an. Ramai-nya peminat2 bachaan Al-Kor'an ini tidak dapat di-pastikan dengan angka tetapi tentu-lah dapat di-ukur dari bertambah-nya dari semasa ka-semasa kelas2 belajar membacha Al-Kor'an, yang bukan saja terdapat di-Madrasah2, masjid2 dan sekolah2 tetapi juga tumbuh di-persatuan2 dan di-pejabat2.

Memandang kepada hasrat umom itu, Radio memainkan peranan-nya untuk sama2 menuju ka-jalan Allah.



Resipi minggu ini — SARANG KELADI

Bahan2-nya :

- 1 biji Keladi
- 3 sudu besar tepong
- $\frac{1}{2}$ kati daging
- 1 biji bawang besar
- 3 ulas bawang putih
- 1 tin kechil chendawan butang
- 2 sudu besar kichap manis
- 1 sudu besar kichap chair
- $\frac{1}{2}$ kati rebong rebus
- 1 biji lobak merah
- 1 biji lada kapal
- 1 chawan peas
- 1 botol minyak
- garam dan serbok
- lada putih sa-chukop-nya
- $\frac{1}{2}$ chawan ayer

Chara2 Membuat-nya

1. Buat sarang keladi. Hiris keladi panjang2. Gaul dengan 2 sudu besar tepong jagong. Silang2-kan di-dalam penapis, goreng perlahan2.
2. Daging potong kechil2. Rebong, lobak merah dan lada kapal di-potong dadu kechil2.
3. Champorkan kichap, garam, lada putih, tepong jagong, 1 sudu be-

sar ayer dan daging.

4. Panaskan minyak dan tumis bawang dan bawang putih.
5. Masukkan daging dan goreng lima minit.
6. Masukkan rebong, lobak merah dan chendawan. Goreng 2 minit. Champorkan $\frac{1}{2}$ chawan ayer. Masak perlahan2.
7. Masukkan lada kapal, masak sehingga empok. Masukkan peas.
8. Suapkan sarang keladi di-atas daun salad. Tuangkan isi-nya.

SIRI ranchangan Kampong Terpuji terbitan Bahagian Melayu Radio Brunei bertujuan untuk menyiarkan berbagai2 bentuk kegiatan dan perusahaan di-mana juga sa-sebuah kampong itu menyertai-nya. Sama ada kegiatan2 yang berbentuk pertukangan tangan, iktisad atau ekonomi, kegiatan2 ugama, kesenian dan kebudayaan dan yang sa-um-pama-nya. Selain dari menilai kechanteakan dan kebersehan kampong itu sendiri.

Kelihatan penerbit dan rakan seawat ketika berkunjung dan meninjau serta bertemu-ramah dengan penduduk2 Kampong Menengah, Temburong.

Untuk awda mengetahui apa isi ranchangan ini awda jangan lupa untuk mengikutinya di-keluaran hari Ahad, 28hb Jun, 1981 jam 2.30 petang.

UJI-LAH BAHASA KITA



HANYA 5 siri lagi ruangan Uji-lah Bahasa Kita akan menemui awda pelajar, sa-belum masuk ka-perengkat akhir, ranchangan ini minggu ini akan menemui awda lagi dengan memuatkan pasokan2 di-antara Pusat Tingkatan Enam bertemu Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah. Siaran-nya seperti biasa pukul 10.30 pagi hari Jumaat dan ulangan-nya pada tiap2 hari Selasa jam 9.30 malam.

Kesah kehidupan sa-penoh dgn chita2-nya minggu ini bertajok

SSANDIWARA minggu ini "BUKAN ORANG LAIN" akan membawa kesah kehidupan sa-bilangan masyarakat yang penoh dengan dunia chita-nya. Di-mana dunia chita2 itu harus di-penohi menurut kehendak hati-nya.

Watak Che' Dollah ia-itu salah sa-orang pegawai yang sedang menchari tanah. Di-mana Penghulu yang gagal mencharikan tanah itu bersedia menawarkan tanah kepunyaan-nya sendiri. Tawaran itu di-terima oleh Che' Dollah walau pun telah ditegaskan oleh Penghulu yang tanah itu berlapis dengan tanah Pak Leman. Namun Penghulu menhadangkan kepada Che' Dollah supaya menemui Pak Leman bagi mendapatkan kebenaran melalui tanah-nya.

'ORANG BANDAR'

Pak Leman bila mengetahui ada 'orang bandar' hendak membeli tanah Penghulu itu, lalu Pak Leman pun naik berang, dan bertekad untuk menghalang 'tanah' tersebut dari terus di-jual. Ini ada-lah di-sebabkan Pak

Leman sendiri memiliki tanah hulu menawan-nya, tetapi ia-wang, kerana RAD) perkereta. Nama bengkalai bagaimana pun tanah di-betap bernyala.

BERUM

Dalam sa-kapada emak-pong, Murad an-nya untuk Murad datang menginginkanjani. Sedang Murad) agar kerana untok kahwin itu simpanan-nya sudah man bagi

Satu hari Pejabat Tanah

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 24HB. JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 THE NATURE OF THINGS : "Mind And Hand"
- 5.30 GODZILLA : "Attack of the Stone Creature"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 MORK AND MINDY
- 6.30 SAPPHIRE AND STEEL
- 6.39 AZAN MAGHRIB
- 6.47 SAPPHIRE AND STEEL — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 DALLAS — Episod terakhir dalam siri kali ini. "Ewing Gate."
- 7.51 AZAN ISHA
- 7.55 DALLAS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 PERTANDINGAN MEMBACHA AL-KOR'AN
- 10.30 CONCRETE COWBOYS : "Wind Bags"
- 12.20 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 25HB. JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 FABULOUS FUNNIES
- 6.30 MYSTERIOUS WORLD : "Out of The Blue"
- 6.39 AZAN MAGHRIB
- 6.47 MYSTERIOUS WORLD — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 WONDERLAND COVE : "A Debt In The Family"
- 7.51 AZAN ISHA
- 7.55 WONDERLAND COVE — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 HIDAYAT
- 9.00 DUNIA MINGGU INI
- 9.30 THREE'S COMPANY : "Helen's Job"
- 10.00 THE PROFESSIONALS : "Blood Sport"

10.50 GREAT WESTERN THEATRE

12.05 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 26HB. JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 FOLLOW ME
- 5.15 CHILDREN'S SERIAL : "Rangi's Catch" (Episod terakhir)
- 5.30 SUPER GLOBETROTTERS
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS
- 6.30 THE MUPPET SHOW "Chris Langham"
- 6.40 AZAN MAGHRIB
- 6.48 THE MUPPET SHOW — sambongan


MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SOLID GOLD — Siri hiburan yang memaparkan "Superstars" dalam dun.a hiburan.
- 7.52 AZAN ISHA
- 7.56 SOLID GOLD — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 PREVIEW PERTANDINGAN BINTANG KECIL 1981
- 9.00 DOKUMENTARI : "Tahun Orang2 Chachat Antara-bangsa"
- 9.30 NOBODY'S PERFECT : "It was a Very Good Year"
- 10.00 BIG LEAGUE SOCCER
- 10.50 QUINCY
- 11.40 SIARAN TAMAT.

SABTU - 27HB. JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 THE MERRIE MELODIES SHOW
- 6.30 BEWITCHED : "Samantha's Not So Leaning Tower of Pisa"
- 6.40 AZAN MAGHRIB
- 6.48 BEWITCHED — sambongan



DUA ORANG artis yang akan dapat di-saksikan dalam ranchangan baru SOLID GOLD mulai Jumaat ini jam 7.15 malam (kiri) Deborah Harry dan Neil Sedaka.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MAGNUM
- 7.52 AZAN ISHA
- 7.56 MAGNUM — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 MARI MEMASAK
- 9.20 TAYANGAN FILEM INDONESIA : "Chinta Abadi" Pelakon2 : Kusno Sudjarwadi, Dicky Zulkarnaen, Marlia Hardy, Ade Irawan.
- 11.10 HAMMER HOUSE OF HORROR : "The Silent Scream"

AHAD - 28HB. JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 VISION ON
- 5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 RICHIE RICH
- 6.35 CHILDREN'S SHORT STORIES
- 6.40 AZAN MAGHRIB
- 6.48 CHILDREN'S SHORT STORIES — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE INCREDIBLE HULK — "The First" Bhg. 2.
- 7.52 AZAN ISHA
- 7.56 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 PERTANDINGAN AKHIR BINTANG KECIL 1981 (Saran langsung dari Dewan Raya, RTB)
- 9.45 THE BOSOM BUDDIES
- 10.20 THE SANDBAGGERS
- 11.00 THE BIG VALLEY : "The Last Stage to Salt Flat"
- 11.50 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 29HB. JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN

- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 FOLLOW ME
- 5.15 SEALAB 2020 : "Green Fever"
- 5.35 ANIMAL WORLD : "Leopard of Tasvo"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 TARZAN
- 6.40 AZAN MAGHRIB
- 6.48 TARZAN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CHARLIE'S ANGELS : "Mr. Galaxy"
- 7.52 AZAN ISHA
- 7.56 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 A TOWN LIKE ALICE Episod terakhir
- 9.40 WHICKER'S WORLD "Salt Lake City" Bhg. 1.
- 10.30 THE DELPHI BUREAU : "The Terror Broker Project"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

SELASA - 30HB. JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 THE MUNCH BUNCH : "The Great Ginger Beer Boom"
- 5.15 HANDFUL OF SONGS
- 5.30 AQUAMAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 BLAKE'S SEVEN
- 6.40 AZAN MAGHRIB
- 6.48 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 240 ROBERT : "Out of Sight"
- 7.52 AZAN ISHA
- 7.56 240 ROBERT — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 ARENA SOKAN
- 9.00 TAYANGAN GAMBAR INGGERIS : "Lady Caroline Lamb"
- 11.00 THE ASSOCIATES : "The Deadly Serve"
- 11.30 SIARAN TAMAT.



THE CAPTAIN and Tennille (kiri) dan Ertha Franklin, dua orang artis lagi yang akan dapat awda saksikan dalam SOLID GOLD.



DYMM BERANG BRUNEI D



SEMASA lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ka-United Kingdom baru2 ini, Baginda telah berangkat ka-Pejabat Wakil Kerajaan di-London.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah di-iringi oleh adinda2 Baginda, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Baginda ka-pejabat itu telah di-sambut oleh Wakil Kerajaan Brunei, YDM Pehin Orang Kaya Datu Patinggi Maha Kurnia Diraja Dato Laila Utama Sir Dennis White dan Pegawai2 Kanan di-Pejabat tersebut (gambar atas).

Baginda Yang Dipertuan kemudian-nya di-junjong berangkat ka-beberapa bahagian pejabat itu termasuk Bahagian Kewangan seperti kelihatan dalam gambar2 ini.




KA-PEJABAT WAKIL K'JAAN

DON



DI-SAMPING berangkat ka-beberapa bahagian pejabat itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah beramah mesra dengan pegawai2 di-pejabat itu, (atas) Baginda beramah mesra dengan Awg Haji Jaya bin Abdul Latif, Pentadbir Kanan dan gambar kanan pula kelihatan Baginda Yang Dipertuan beramah mesra dengan Juru Kira di-pejabat itu, Dato Ahmad Wally Skinner.

Sementara gambar bawah kelihatan Baginda Yang Dipertuan dan rombongan ketika di-junjong meneknati jamuan ringan, sa-telah keberangkatan Baginda ka-beberapa bahagian pejabat itu.



Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

WAKTU SIARAN :

DI-MULAI jam 6.00 pagi hingga pukul 2.00 petang. Dan dari jam 5.00 petang sa-hingga 10.30 malam, bagi hari2 Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis.

Dari jam 6.00 pagi sa-hingga 10.30 malam bagi tiap2 hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.

TIAP2 HARI :

6.00-6.02 pagi :	Allah Peliharakan Suitan	7.30 malam dan	
6.02-6.30 pagi :	Sinaran Wahyu	1.00 tengah hari :	Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)
6.30-8.30 pagi :	Dendang Suria Bingkisan Hari Ini Suntingan Hidayah Peringatan Harian Panduan Sokan Bertutor Dalam Bahasa Inggeris	6.00 petang :	Siri Makkaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsung menunai-kan sembahyang Fardhu Maghrib
12.00-12.45 T/H :	Sajian Tengah Hari (Mem-persembahkan lagu stereo) kechuali hari2 Khamis, Ju-maat dan Ahad.	10.15 malam :	Bachan Al-Kor'an
		10.24 "	Do'a Restu
		10.29 "	Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA :

7.00 pagi	(Berita2 dalam negeri)
10.00 pagi	
12.45 tengah hari	
1.30 t/hari	(tiap2 hari Jumaat)
3.00 petang	(tiap2 hari Jumaat, Satu dan Ahad)
5.30 petang	
8.00 malam	
8.15 malam	(Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban)
10.00 malam	(Rengkesan Berita).

Menyiarkan AZAN:

Dzohor
Asar (tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad)
Maghrib
Isha.

Hari Rabu 24hb. Jun

PAGI :

8.30	Rimba Raya (SU)
8.45	Permintaan pagi Rabu
10.15	Rampaian Jogat
10.30	Surat Dari London
10.45	Riang Ria
11.00	Taman Mekar (SU)
11.30	Autograph Pendengar (SU)

T/HARI :

1.30	Persembahan-ku
------	----------------

PETANG :

5.03	Untok Belia
5.45	Senandong Asli

MALAM :

7.00	Kenangan Mengusik Jiwa
8.30	Bingkisan Tanah Ayer (SU)
9.00	Serbanika Hiboran (SU)
9.30	Chitria Irama (SU).

Hari Khamis 25hb. Jun

PAGI :

8.30	Ruangan Ketani (SU)
9.00	Dendang Antarabangsa
9.30	Pilehan Pendengar
10.15	Lagu2 Jenaka
10.30	Rampaian London
10.45	Permintaan Suka Ramai.

T/HARI :

12.00	Ira Kenchana/Puspa Irama
1.00	Chitra Wara
1.30	Majallah Radio (SU).

PETANG :

5.03	Majallah Ugama/Petikan Soal Jawab Ugama
5.45	Lagu2 Nasenat.

MALAM :

7.00	Bachan Surah Yassin
7.30	Bimbingan Al-Kor'an
8.30	Sandiwar Radio (SU)
9.00	Tafsir Al-Kor'an
9.30	Hidayat.

Hari Jumaat 26hb. Jun

PAGI :

8.30	Pertanian
9.00	Pelajaran Dewasa Di-Udara
9.30	Tafsir Al-Kor'an
10.15	Soalan Di-Udara
10.30	Uji-lah Bahasa Kita
11.00	Bimbingan Al-Kor'an
11.30	Drama Masyarakat.

TENGGAH HARI :

12.00	Lagu Dakwah
12.15	Bachan Al-Kor'an
12.30	Menunai Sembahyang Jumaat
1.15	Qasidah/Nashid
1.45	Lagu2 Timor Tengah.

PETANG :

2.00	Ruangan Ketani
2.30	Persembahan Lagu2 Ghazal
3.15	Paduan Suara
3.30	Focus Radio
4.00	Kuiz Ka-Sekolah-Sekolah
4.30	Langgam Suara
5.00	Ira Kenchana/Puspa Irama
5.45	Suntingan Khutbah Jumaat

MALAM :

7.00	Cherpen dan Salokan
8.30	Mari Berpantun
9.00	Bintang Kechil/Kampong Terpuji
9.30	Majallah Ugama/Petikan Soal Jawab Ugama.

Hari Sabtu 27hb. Jun

PAGI :

8.30	Focus Radio (SU)
9.00	Periang Hati
9.15	Soalan Di-Udara (SU)
9.30	Pilehan Pendengar
10.15	Paduan Suara
10.30	Rampai Sari
11.30	Varia Peristiwa (SU)

T/HARI :

1.30	LAGU2 Dari Filem
1.45	Rimba Raya (SU).

PETANG :

2.00	Permintaan Hujung Minggu
3.15	Anika Lagu
3.30	Cherpen dan Salokan (SU)
4.00	Mutiara Asli
4.30	Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU)
5.00	Chitra Irama
5.45	Senandong Lagu2 Lama

MALAM :

7.00	Persembahan Lagu2 Ghazal
8.30	Langgam Suara (SU)
9.00	Kenangan Mengusik Jiwa (SU)
9.30	Titan Budaya
9.45	Persembahan Keronchong.

Hari Ahad 28hb. Jun

PAGI :

8.30	Majallah Radio (SU)
9.00	Taman Mekar
9.30	Dunia Wanita

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

DAVID'S MUSIC NIGHT

P.M.

8.00	Bach : Overture from Suite No. 3 in D major
	Mozart : Piano Concerto no 20 in D Minor, Kv 466
8.45	Indian Classical Music
9.30	Vaughn Williams, English Folks Songs, Chopin: Scherzo no 2 in B flat minor Schubert — Moments Musicaux.

Thursday

P.M.

8.00	Hello Tomorrow
8.30	Perspective
8.45	The Big Band Sound
9.30	Music by Eric Coates

Saturday

P.M.

8.00	The Practical World
8.15	Melody Time
8.45	Frank Muir Goes Into
9.30	Top of The Pops.

Monday

P.M.

8.00	Theatre Forty Five : "Here Am I, Where Are You ?"
8.45	John Fox Presents
9.30	World of Books.

Tuesday

JA'AFAR'S POP NIGHT

P.M.

8.00	Quiz — Just For You
8.45	Music Pleasant and Un-pleasant
9.00	Rock Line
9.30	Stereo Pop Special : "AC/DA — 215".

Daily

A.M.

7.00	BBC and Local News
7.15	Musical Hour
8.15	Radio Newsreel
11.00	Ladies At Eleven — except holidays
12.00	Lunch Break until 1.30—except holidays
12.30	News

P.M.

9.15	News.
------	-------

HOLIDAYS — Friday

A.M.

11.00	English Examined
11.15	Light Music From Nehterlands
11.30	Children's Half Hour
12.00	Three Ladies In Stereo

P.M.

12.45	The Paramor Sound
1.15	BBC Sports Magazine
8.00	Three Ladies In Stereo
8.30	Dateline
9.00	International Money Programme
9.30	Stringsound

THE TRAGEDY OF MACBETH — Programme 6 on the Student Night deals with the end of the play. Macbeth has been trapped in Dunsinane castle by his enemy Macduff and is forced to come out and fight. He is desperate but not afraid, as he still believes in the words of the three witches. He has nothing to fear from any man born of woman and will not be defeated until Birnam wood comes to Dunsinane

HELLO TOMORROW — on Thursday answers questions on aids for the handicapped and the grating and processing of coconuts. Then there's an item on windmills and a look at Grenada's illiteracy campaign and some very exciting news of a new way to kill malaria mosquitoes.

Sunday

A.M.

11.00	We Care For You
11.15	BBC Beautiful Music
11.30	World of Books
12.00	Frank Muir Goes Into
1.00	Top of The Pops.
	TAJUL'S STUDENT NIGHT
P.M.	
8.00	The Tragedy of Macbeth
8.30	English Examined
8.45	World of Education
9.00	Hot Questions Cool Replies
9.30	Science Pop

TA PERTANDINGAN UNTOK MEREBut RA BINTANG KECHIL RADIO



Dy. Lelawati bte POKLW
Jato Paduka Hj Md Salleh
Daerah Brunei-Muara.



Ak Sofian bin Pg
Anak Hashim
Daerah Brunei-Muara.



Siti Zuraidah bte Haji
Abdul Wahab
Daerah Brunei-Muara.



Dk Rosdinah Pg Mohiddin
Daerah Brunei-Muara.



Kechil Radio 1981 pereng-
adakan pada hari Ahad,
Dewan Raya Radio Tali-

perkan oleh Bahagian Melayu
di yang keempat-nya.
pada kanak2 yang berumur
terdiri daripada raayat Ke-
Paduka Seri Baginda Sultan
peti.

ak2 yang menvertai pertan-
eta saja yang di-pilih untuk
setelah di-adakan beberapa pe-
eh akhir. (Lihat gambar).
rangkaian dua buah lagu,
m satu lagi lagu pilihan (be-
e cinta asmara).
akan langsung melalui Radio
alam.

penunton akan di-hiborkan
sa-orang pelawak yang ter-
SHADAT dan beberapa buah

anton, boleh di-dapati di-Bilek
ada hari ini 24hb Jun 1981
sebelum kehabisan.



Dk Rafidah Pg Ibrahim
Daerah Brunei-Muara.



Awg Erwan bin Md Said
Daerah Tutong.



Dy. Nordayang bte Ali
Daerah Temburong.



Dy. Tizan bte Jamuddin
Daerah Brunei-Muara.



Suraini Julaihi
Daerah Belait.

masyarakat yg andiwar radio ORANG LAIN"

chukai tanah, ia mengkagumi sa-
orang gadis kerana kebaikan budi
bahasa-nya. Lantas Pak Leman
menghayalkan, mudah2an gadis ba-
kal isteri anak-nya itu akan sa-baik
gadis di-kenal-nya itu.

SENANG HATI

Satu hari gadis (AMELIA) yang
di-kenalkan oleh Murad itu kepada
ayah-nya Pak Leman ia amat senang
hati dan langsung menerima-nya.
Di-mana gadis yang di-kenalkan
oleh Murad itu ada-lah gadis yang
di-temui-nya yang baik hati itu.

Pak Leman yang berniat tidak
memberi kebenaran kepada orang
bandar (Che' Dollah) akhir-nya
tiba2 bersetuju bila menyedari Che
Dollah ada-lah ayah Amelia sendiri.

Untuk mengetahui apa-kah kesah
selanjut-nya, awda jangan lupa me-
ngikuti cerita selanjut-nya dalam
sandiwar minggu ini yang berjudul
BUKAN ORANG LAIN karya
Mawar A.Z., Brunei. Terbitan Ali
Majid, dan drama ini akan ka-udara
pada 28hb Jun, 1981 jam 12.00
tengah hari.

RANCHANGAN TVP DARI 29HB JUN HINGGA 5HB JULAI

ISNIN — 29HB JUN

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 378.

Ranchangan kali ini di-muati dengan
aktiviti2 seperti MAIN KUDA,
AMIN, LIHAT DAN PERHATI,
HALAMAN MENGAJAR, MENYA-
NYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP
UDANG 378.

SELASA — 30HB JUN

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 379.

Dalam ranchangan kali ini Che'gu Ro-
kiah dan anak2 akan membuat aktiviti2
seperti MAIN BAKUL, HALAMAN
MENGAJAR, KERJA TANGAN, SI-
MANIS, BERSEMAN, PETI SURAT
dan CHERMIN SAKTI.

Ruangan kerja tangan Che'gu Rokiah
akan membuat tongkat bersenam.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP
UDANG 379.

RABU — 1HB JULAI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 380.

Ranchangan kali ini di-muati dengan
aktiviti2 seperti MAIN BAKUL,
GAMBAR DAN SEBUTAN, SI-
MANIS, BERSEMAN, HALAMAN
MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP
UDANG 380.

KHAMIS — 2HB JULAI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 381.

Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah
dan anak2 akan membuat aktiviti2
seperti BOLA TUMBOK, YANG
MANA GANJIL, TUNJOK BEN-
DA, MENYANYI DENGAN GAYA,
GAMBAR DAN SEBUTAN dan
CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP
UDANG 381.

JUMAAT — 3HB JULAI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG

Ranchangan kali ini di-muati dengan
aktiviti2 seperti KETUA KESELA-
MATAN, PAPAN HIKMAT, AMIN,

BOLA TUMBOK, BERCHERITA
dan CHERMIN SAKTI.

Tajok cerita Che'gu Rokiah hari
ini ia-lah 'Musang dengan Bangau.'

SABTU — 4HB JULAI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 382.

Ranchangan kali ini di-muati dengan
aktiviti2 seperti KETUA KESELA-
MATAN, GAMBAR DARI RUMAH,
MAIN BOLA, PETI SURAT, HALA-
MAN MENGOTOR GAMBAR dan
CHERMIN SAKTI.

Ruangan mengotor gambar Che'gu Ro-
kiah dan anak2 akan mengotor gam-
bar si-manis.

AHAD — 5HB JULAI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG

Ranchangan kali ini di-muati dengan
aktiviti2 seperti MAIN KUDA, LI-
HAT DAN PERHATI, LUKISAN
DARI RUMAH, AMINAH, KAJIAN
SEMULA JADI dan CHERMIN
SAKTI.

Ruangan Kajian Semula Jadi Che'gu
Rokiah akan menunjukkan dan ber-
cerita darihal buloh dan keguna-
nya.

KEBAKARAN KILANG PENAPIS GAS

Jawatankuasa penyiasat di-tubuhkan

SERIA. — Sa-buah badan penyiasat telah di-tubuhkan berikutan satu kejadian kebakaran yang disifatkan paling terok pernah terjadi di-Kilang Penapis Gas Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad lewat Selasa lepas di-sini.

Puncha2 kebakaran dan anggaran kerugian akibat kebakaran itu akan dapat di-perolehi apabila badan yang di-anggotai oleh Bert Veijk, Awang Hamdillah Haji Abdul Wahab, Robin Morris, Trevor Briggs, Joe Tan dan Awang Chan Yeu Huat, kesemua-nya kakitangan2 SMSBB itu selesai di-dalam membuat penyiasatan mereka di-dalam sedikit masa lagi.

DAPAT DI-KAWAL

Awang Ross Muir, Ketua Bahagian Penghasilan SMSBB di-dalam satu wawancara di-Pejabat Bahagian Perhubungan shariat tersebut memberitahu yang kebakaran itu bermula pada jam 8.30 malam di-mana satu kolom pengolah (process column) kilang tersebut beserta dengan perkakas2 di-sekitarnya telah musnah.

Kebakaran tersebut menurut Awang Muir lagi, telah dapat di-kawal daripada merebak ka-tempat2 lain di-dalam kilang itu dua jam kemudian.

Pengeluaran penghasilan minyak di-sini, tambah beliau lagi telah tidak terjejas akibat kebakaran ini dan chuma dua orang pekerja, di-kilang tersebut, Awang Pae bin Anggok dan Awang Ator bin Aris telah cedera di-dalam kemalangan tersebut. Mereka kini sedang di-rawat

Oleh: Shadoon Lamzi

di-Rumah Sakit Panaga dan kechederaan yang mereka alami di-beritakan ringan.

BERI BANTUAN

Sementara itu Timbalan Pengawal Pasokan Bomba Brunei Awang Haji Wahabi bin Metussin ketika kami hubongi memberitahu, enam buah kereta bomba (empat dari Setia dan dua daripada Balai Bomba Tutong dan Bandar Seri Begawan) telah berkejar ka-tempat kebakaran tersebut sa-baik2 sahaja menerima panggilan untuk memberikan bantuan kepada Pasokan Bomba Shell Brunei.

Menurut beliau lagi, sa-jumlah 19 buah kereta bomba, termasuk 13 buah dari Bomba Shell Brunei dan 120 orang ahli2 bomba dari kedua2 belah pihak telah terlibat dalam menjalankan gerakan memadamkan kebakaran tersebut.

MERBAHAYA

"Memandangkan kebakaran sa-umpama itu difikirkan merbahaya kami terpaksa memanggil ahli2 bomba yang kebetulan berchuti atau pun tidak bekerja pada malam itu untuk bersama2 di-dalam gerakan itu," tambah Haji Wahabi lagi.


Awang Barry Ross, Penasihat Perhubungan Perdagangan SMSBB yang juga kami hubongi baru2 ini menyatakan yang pihak Bomba Kerajaan Brunei telah dapat menunjuk-

kan kemampuan mereka dengan baik dan memberikan satu kombinasi kerja yang di-harapkan di-dalam membantu Bomba Shell Brunei menghapuskan ancaman yang merbahaya itu.

"Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Polis serta pihak2 yang memberikan bantuan pada malam itu," tambah-nya.



Awang Ross Muir bakaran tidak penghasilan.



PARA pekerja SMSBB sedang memeriksa kesan kebakaran terhadap salah satu perkakas kolom pengolah di-kilang itu.

Orang2 Islam Jepun berusaha kenalkan Islam di-Jepun

Oleh: Jahri Latif

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebanyakan orang2 Jepun tidak mempunyai idea yang jelas mengenai ada-nya agama Islam di-dunia dalam masa 75 tahun kebelakangan ini.

Menurut dua orang ahli dari Federasi Setiakawan Islam Jepun (JIFF), Haji Mustafa F. Komura dan Muhammad Ali S. Kobayashi yang melakukan lawatan muhibbah ka-negeri ini minggu lalu, orang2 Jepun hanya mengetahui ada-nya Agama Islam hanya baru2 ini.

Meski pun sekarang, jelas mereka, negara Jepun chuma mempunyai perhatian terhadap negara2 Islam pengeluaran minyak, kenegaraan-nya serta penduduk2-nya dan hasil mahsul-nya, tetapi tidak banyak yang meminati Agama Islam yang di-anuti oleh penduduk negara itu.

KURANG PERHATIAN

"Hal ini-lah yang menyebabkan beberapa orang Islam Jepun pada ketika itu kurang mendapat perhatian malah tidak punya kedudukan yang kukuh untuk mempengaruhi teman2 yang bukan Islam di-dalam hal2 yang berkaitan dengan Islam," tegas mereka lagi.

Memang benar, kata mereka bilangan penduduk Islam Jepun ada-lah sedikit dan kebanyakkan daripada mereka pula tidak berpengalaman sa-bagai sa-orang Muslim, maka lantaran itu-lah nilai

ke-Islaman mereka tidak begitu tinggi.

"Sudah tentu kami tidak mempunyai iman. Namun demikian, kami sentiasa berusaha untuk memperkenalkan apakah itu Islam dan bagaimanakah kehidupan Islam itu kepada orang2 Jepun," jelas mereka dengan terus-terang.

MERASA HAIRAN

Oleh kerana itu, kebanyakkan orang2 Islam di-sini merasa hairan apabila mengetahui ada-nya orang2 Islam dan wujud-nya masjid2 di-Jepun. Kehairanan ini, menurut mereka, timbul dari fakta di-mana Jepun di-kenali di-dunia sa-bagai negara termaju dalam bidang ekonomi dan di-kalangan mereka pula berpandangan bahawa penduduk Jepun tidak berjiwa Islam malah di-sifatkan sa-bagai anti-Jepun.

Ketika berada di-sini, dua orang perwakilan itu, antara-nya telah menemui ahli2 Persatuan Kesatuan Islam dan melawat ka-tempat2 yang menarik. Pada hari Selasa lalu, mereka telah berkhujong ka-Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

Dalam kunjongan itu, mereka juga di-bawa ka-Yunit Taklimat, Bahagian Penerangan untuk menyaksikan pameran gambar2 slide, peta2 dan data2 mengenai struktur pentadbiran, sejarah, perkembangan serta kemajuan negara.



HAJI Mustafa (bersongkok puteh) menjelaskan sa-suatu kepada Mohd. Ali S. Kobayashi, sa-telah menerima penerangan daripada Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Hj Othman, sa-waktu mereka di-bawa ka-Bilik Taklimat, Bahagian Penerangan.

119 rekrut AMDB tamat latehan

BOLKIAH KEM. — Saramai 119 orang rekrut Askar Melayu Diraja Brunei dari pengambilan yang ke-53 akan menamatkan Latehan mereka akhir bu-

lan ini. Satu upacara perbarisan akan di-adakan di-Perkhemahan Bolkiah di-sini pada 26hb Jun pada jam 8.30 pagi. — JAL.



KOLOM pengolah yang terjejas di-dalam kejadian



PARA ahli2 bomba sedang berusaha memadamkan kebakaran tersebut pada malam itu. Gambar chsan The Borneo

Berkursus

BERAKAS. — 10 orang Kadet Pasukan Kar Melayu Diraja akan bertolak ka-Singapura pada hari Ahad, 27 Jun, untuk mengikuti kursus sa-lama lima di-Sekolah Bound, Pulau Ubin, Republik tersebut.

Mereka ia-lah Sapree bin Ahmad, Suharto bin Haji Rahman, Mohd. Noor Haji Tuah, Ak. Jeffery Pengiran Aliuddin, Asmali bin Pengiran Idris, Ak. Ismail bin Aliuddin, Ak. Saiful bin PPN Pengiran dan Zakaria bin PPN ISD Dato Paduka Abd. Aziz. Mereka tersebut akan di-arahkan oleh 3985 Sgt. Tuah bin Othman.

6 REKOD BARU DALAM SOKAN SEKOLAH2 MENENGAH ATAS

GADONG. — Semangat kebangsaan untuk beradu bertenaga dan mahu menunjukkan kebolehan dalam mematahkan peratoran ialah beberapa asas yang perlu dalam membangkitkan mutu kesukan seluruhnya.

Salah satu antara lain yang diharapkan oleh Penolong Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Puteri Negara Pengiran Mahar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji yang ketika merasmikan majlis sokan tahunan sekolah2 menengah atas bertempat di-Stadium Hassan Bolkih di-sini minggu lalu.

ENAM REKOD

Telah jelas apa yang diharapkan tidak tinggal belaka sahaja bilamana ia telah berjaya mendorong para peserta yang mengambil bahagian dalam sokan tersebut untuk mencatatkan enam rekod baru.

Sokan yang berlangsung kali ka-15 itu telah disertai oleh 19 buah sekolah2 menengah dan maktab2 dari seluruh negeri dan sa-banyak 170 orang bagi lelaki dan 110 orang bagi perempuan di-pertandingkan.

Rekod yang pertama yang di-chatetkan ialah dalam acara lari 1,500 meter lelaki dengan kecekapan 4 minit 28 saat yang

di-buat oleh Awang Yakub bin Haji Abdul Rahman dari Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

Dalam bahagian lari 100 meter perempuan rekod baru telah di-perolehi oleh Dk. Roslina binte Pengiran Bahar dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Seri Begawan dengan chatetan 13 saat.

Dalam acara buang peluru perempuan satu buangan yang terjauh saktakat ini telah di-buat oleh Dyg. Hong Moi Leng dari St. Andrew's Bandar Seri Begawan. Jauh buangan-nya ia-lah 7.37 meter.

